

Pendidikan modal insan kembalikan Malaysia jadi ‘Harimau Asia’

Kuala Lumpur: Malaysia mampu kembali menjadi Harimau Asia melalui bidang pendidikan dengan sokongan bantuan dan dana daripada sektor swasta yang terbabit dalam pelbagai perindustrian negara.

Menteri Pendidikan, Dr Maszlee Malik berkata, sektor swasta perlu mengambil peluang bekerjasama dalam pelbagai program pendidikan seperti penajaan program dan pemberian dana serta geran.

“Pelbagai perkara mampu dilakukan melalui kerjasama industri dan sektor swasta yang berperanan mendidik rakyat dari segi minda serta sivik.

“Melalui pendidikan modal insan ini mampu mengembalikan Malaysia sebagai Harimau Asia dan menjadikan masyarakat kita contoh kepada semua pihak,” katanya ketika berucap pada Majlis Menandatangani Perjanjian Sekunder Program Kolaborasi Industri, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Ketua Pegawai Eksekutif Technology Depository Agency Bhd (TDA), Datuk Zailani Safari, dan Ketua Pegawai Eksekutif Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp), Abdul Yazid Kassim.

Maszlee berkata, Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) juga perlu diutamakan dan ditransformasi agar negara mampu mendepani Revolusi Perindustrian 4.0.

“Kita sedang menghadapi gelombang Revolusi Perindustrian 4.0, oleh itu, sistem pendidikan TVET harus bermula dengan menerokai sistem itu,” katanya.

Pada majlis itu, Universiti Kuala Lumpur (UniKL), Universiti Teknologi PETRONAS (UTP), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Putra Malaysia (UPM), UniKL-Malaysian Institute of Chemical and Bioengineering Technology (MICET) dan Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR), menerima geran nilai nominal sebanyak RM3.877 juta.

Sementara itu, dalam program berasingan, Maszlee mengumumkan Sekolah Kebangsaan (SK) Bukit Pantai antara 43 sekolah rendah dan menengah seluruh negara terpilih menyertai perkongsian pintar bersama 20 universiti awam (UA) dan empat universiti berkaitan kerajaan (GLU) menerusi program Sekolahku Universitiku.

Sekolah dipilih mengikut bidang dan keupayaan masing-masing, berdasarkan kriteria yang dikategorikan mengikut skala 4 dan 5 yang ditetapkan Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (EPRD).